

BULETIN KPKT

VOLUME 2/2013

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



MEMENUHI ASPIRASI RAKYAT

Rakyat nikmati manfaat atas usaha KPKT



KPKT HOST PELANCARAN MY
BEAUTIFUL MALAYSIA PERINGKAT
NEGERI KEDAH

Mukasurat 4

PERLUASAN PROGRAM MYBN
TAHUN 2013

Mukasurat 6

ISSN 1394-0538



9|771394|053002|

Sidang Redaksi

Penasihat

YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak
Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Ketua Editor

Jessylina Mat Lazim
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Editor

Rosyila Abdul Latif
Pegawai Perhubungan Awam

Noraidah Mohd Noor
Penolong Pegawai Perhubungan Awam

Sidang Pengarang

Bahagian Undang-Undang
Bahagian Dasar
Bahagian Inspektorat
Bahagian Kewangan dan Perolehan
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Korporat
Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Teknologi Maklumat
Unit Audit Dalam
Jabatan Perumahan Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Jabatan Landskap Negara
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah
Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Fotografi

Ahmad Marzuki Othman

Penerbit

Unit Komunikasi Korporat

Tinta Pena Sidang Redaksi

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Pertama-tamanya sidang redaksi ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas sumbangan dan kerjasama semua pihak yang terlibat dalam proses penerbitan Buletin KPKT volum 1/2013 ini. Tempoh masa Januari sehingga April 2013 ini menyorot pelbagai inisiatif signifikan yang berterusan bagi KPKT seperti kejayaan KPKT memulihkan projek terbengkalai dan pembinaan prasarana untuk rakyat melalui peruntukan Kerajaan Pusat.

Singkapan tirai tahun 2013 dimulakan dengan Amanat Tahun Baru dan Sambutan Tahun Baru Cina 2013 oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang menegaskan hala tuju KPKT berdasarkan tujuh (7) hasrat YAB Perdana Menteri Malaysia. Dengan ini diharapkan pengukuhan perpaduan, ekonomi dan pembangunan negara akan bergerak seiringan tanpa meninggalkan nilai-nilai insan.

Bagi tahun 2013 dilihat sebagai tahun yang penting bagi program *My Beautiful Malaysia* di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan 7 (*National Blue Ocean Strategy 7*), yang telah diilhamkan oleh YAB Datuk Seri Mohd Najib Abdul Razak. Ilham ini terhasil rentetan daripada inisiatif NBOS 7: *My Beautiful Neighbourhood* (MyBN). Program NBOS 7 ini melibatkan hampir 1 juta sukarelawan yang dijadikan satu pelantar untuk menyatu dan menggerakkan seluruh tenaga belia yang lebih prihatin dan ikhlas melalui aktiviti gotong – royong, mengindahkan serta membersihkan kawasan yang tidak terpelihara seperti pusat pelancongan, kawasan perumahan, taman rekreasi dan sebagainya.

Sejajar dengan hasrat Kerajaan bagi menambah baik mutu perkhidmatan dan penyampaian awam, KPKT melalui JBPM telah menyerahkan Jentera Bomba dan dan Kenderaan Bomba dan Sukarela JBPM Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perlis pada 8 Februari 2013. Perkhidmatan kepada rakyat khasnya sentiasa diberi keutamaan dalam mengaspirasikan Gagasan 1Malaysia: Rakyat didahulukan Pencapaian Diutamakan.

Sidang redaksi mengharapkan lembaran baru tahun 2013 membawa kepada semua pembaca Buletin KPKT keazaman yang kukuh bagi menambah baik potensi diri masing-masing dan seterusnya transformasikannya kepada budaya kerja Malaysia yang positif.

Sidang Redaksi

Buletin KPKT Volume 1/2013

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Editor Buletin KPKT amat menghargai sumbangan artikel daripada warga KPKT. Artikel berkenaan hendaklah dikemukakan ke:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 2, No. 51 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : (603) 8891 5556
Faks : (603) 8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Laman web : www.kpkt.gov.my
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov

AMANAT TAHUN BARU DAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2013

YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyempurnakan majlis perhimpunan bulanan yang bersekalikan dengan majlis sambutan Tahun Baru Cina pada 19 Februari 2013 dengan memaklumkan warga KPKT akan pencapaian KPKT bagi 2012, perancangan KPKT bagi 2013 dan amanat Y.A.B. Perdana Menteri. Y.B. Menteri menegaskan mengenai "as a way forward" bagi tahun 2013, dan hasrat Y.A.B Perdana Menteri mengenai tujuh perkara utama yang perlu diberi perhatian bagi tahun 2013 seperti berikut:

- perpaduan nasional dan jatidiri dikukuhkan;
- mengurus ekonomi dengan bijak;
- melaksanakan bajet 2013 mengikut jadual;
- melaksanakan *Government Transformation Programme* (GTP) dan *Economic Transformation Programme* (ETP);
- melaksanakan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS)
- mencapai KPI Menteri/ Kementerian seperti yang ditetapkan; dan
- menambahbaik sistem penyampaian - cepat, tepat dan berintegriti.

Pada 3 Januari 2013, KPKT telah berjaya menjadi agensi peneraju Program *My Beautiful Malaysia* (NBOS 8) peringkat negeri Kedah yang melibatkan program gotong-royong oleh 245,000 orang sukarelawan di kawasan kediaman, kawasan pantai, mengecat dan menanam pokok di kesemua sebelas pihak berkuasa tempatan negeri kedah, 178 buah sekolah menengah dan 3 kampung baru Cina.

Strategi Lautan Biru (NBOS 7 : *My Beautiful Neighbourhood* (Kejiranan Indah) yang diletakkan di bawah KPKT telah berjaya meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui pelaksanaan membaiki pulih rumah dan infrastruktur yang melibatkan kerjasama jabatan dan agensi di bawah KPKT. Ia telah dilaksanakan pada 2012 dan akan diteruskan pada 2013. Pengurusan kewangan KPKT bagi prestasi perbelanjaan belanja mengurus dan pembangunan telah mencatatkan rekod terbaik bagi tempoh lima tahun yang lalu. Bagi tahun 2013, sebanyak RM1.17 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan dan sehingga kini sebanyak RM51.4 juta telah dibelanjakan (4.4%) manakala sebanyak RM1.97 juta diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus dan sehingga kini sebanyak RM89.4 juta (4.53%) telah dibelanjakan. Rekod prestasi yang telah dicapai sebelum ini terus diperbaiki untuk meletakkan KPKT dalam kelompok lima Kementerian berprestasi tinggi bagi tahun 2013.

Manakala bagi tahun 2012, KPKT telah berjaya membelanjakan 100% jumlah peruntukan mengurus sebanyak RM1.63 juta dan 98.16% (RM1.56 juta) daripada RM1.59 juta peruntukkan pembangunan. Bagi perbelanjaan pembangunan KPKT bukan sahaja berjaya menduduki tempat ke-14 daripada 25 Kementerian malah telah berjaya melepasi prestasi perbelanjaan nasional ditahap 95.57% berbanding KPKT 98.16%. KPKT telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2013-2015



yang merupakan penambahbaikan ke atas pelan strategik KPKT 2008-2020. Pelan baru ini mengambil kira perubahan-perubahan persekitaran, halatuju dan dasar semasa kerajaan, termasuk Gagasan 1Malaysia, GTP, ETP, RMK 10, *Outcome Based Budget* (OBB); NBOS dan sebagainya.

Bagi pengiktirafan yang telah diterima oleh KPKT bagi 2012 adalah seperti berikut:

- Pensijilan ISMSMS ISO/IEC 27001:2007 dari Sirim Qas International Sdn Bhd bagi pengurusan sistem keselamatan maklumat untuk pengoperasian pusat data bagi *server consolidation and virtualization*;
- Anugerah *self reliance* oss sektor awam oleh MAMPU;
- Anugerah pengurusan keselamatan oleh Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan; dan
- Anugerah *Future City of the Year* 2012 dari Futuregov Summit, di Chiangmai, Thailand telah diterima oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia bersama dengan Polis Diraja Malaysia melalui Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS).



KPKT HOST PELANCARAN MY BEAUTIFUL MALAYSIA PERINGKAT NEGERI KEDAH

Program My Beautiful Malaysia telah diilhamkan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan 8 (National Blue Ocean Strategy 8). Ilham ini terhasil daripada program-program yang dilaksanakan di bawah inisiatif NBOS7: *My Beautiful Neighbourhood* (MyBN) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Program *My Beautiful Malaysia* melibatkan 1 juta sukarelawan yang dijadikan satu pelantar dan titik permulaan untuk menyatu dan menggerakkan seluruh tenaga belia yang lebih prihatin dan ikhlas melalui aktiviti gotong-royong secara sukarela dalam usaha mengindahkan dan membersihkan kawasan yang tidak terpelihara seperti pusat pelancongan, kawasan perumahan, taman rekreasi dan sebagainya. Di samping itu, tujuan program ini adalah:

- Menyemai semangat kesukarelawan di kalangan belia;
- Memperbanyakkan aktiviti dan penyertaan sukarelawan untuk menjaga dan memelihara keindahan alam persekitaran kehidupan di seluruh negara; dan
- Meningkatkan semangat bekerja secara berpasukan di kalangan belia dalam pembangunan negara.

Sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan tahun 2013 sebagai Tahun Kesukarelawan (*Year of Volunteerism*), Program *My Beautiful Malaysia* telah dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Mohd Najib Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 3 Februari (Ahad) 2013 di Taman Medan, Selangor melibatkan 60,000 sukarelawan. Pelancaran ini juga dijalankan

serentak di 134 lokasi di seluruh Malaysia yang disertai oleh YB Menteri-Menteri Kabinet serta YAB Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri.

Di peringkat negeri Kedah, Program *My Beautiful Malaysia* telah dilancarkan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Taman Rekreasi Gunung Keriang, Alor Setar, Kedah di mana Ketua Setiausaha KPKT bersama Pegawai Pembangunan Kemajuan Persekutuan Negeri Kedah (ICU) telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras program ini.

YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut melawat 6 lokasi program *My Beautiful Malaysia* di Taman Wira, Rumah Pangsa Alor Malai, Rumah Pangsa Simpang Kuala, Kampung Baru Simpang Empat, Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz dan Rumah Pangsa Tongkang Yard.

Program *My Beautiful Malaysia* juga turut dilaksanakan di 33 lokasi seluruh negeri Kedah yang melibatkan 11 Pihak Berkuasa Tempatan. Disamping itu juga, sebanyak 203,225 pelajar dari 178 buah sekolah menengah seluruh negeri Kedah turut terlibat dalam program sukarelawan ini. Jumlah keseluruhan penyertaan sukarelawan bagi negeri Kedah adalah sebanyak 244,423 orang melebihi sasaran awal sebanyak 85,000 orang.

Sukarelawan adalah terdiri daripada penduduk tempatan, pelajar universiti, Pusat latihan komuniti, pelajar sekolah menengah, pelatih pusat khidmat negara, pekerja-pekerja kilang, RELA, JPAM, PDRM, BOMBA, Pertubuhan Sukarelawan, AADK, JKKK, Syarikat E-Idaman Sdn. Bhd dan kakitangan kerajaan persekutuan dan negeri.

Beberapa aktiviti telah dijalankan sempena program *My Beautiful Malaysia* tersebut iaitu:

- Para VIP dan sukarelawan yang hadir menandatangani papan tanda *My Beautiful Malaysia*;
- Acara melontar bebola lumpur untuk merawat tasik di Taman Rekreasi Gunung Keriang;
- Menanam dan mencantas pokok;
- Mengecat;
- Membersih longkang, parit tersumbat dan kebuk sampah;
- mengutip sampah, membersihkan semak samun dan kawasan terbiar;
- Gotong-royong memasak



My Beautiful Malaysia di Majlis Perbandaran Langkawi



My Beautiful Malaysia di Majlis Perbandaran Kulim



My Beautiful Malaysia di Majlis Perbandaran Sungai Petani



My Beautiful Malaysia di Majlis Daerah Sik



My Beautiful Malaysia di Majlis Daerah Baling



My Beautiful Malaysia di Majlis Daerah Bandar Baharu



My Beautiful Malaysia di Majlis Daerah Pendang



My Beautiful Malaysia di Majlis Daerah Padang Terap



My Beautiful Malaysia di Majlis Daerah Yan



My Beautiful Malaysia di Majlis Daerah Kubang Pasu



My Beautiful Malaysia di Kampung Baru Gurun



My Beautiful Malaysia di Kampung Baru Padang Serai

PERLUASAN PROGRAM MYBN TAHUN 2013

National Blue Ocean Strategy (NBOS) atau Strategi Lautan Biru Kebangsaan merupakan satu tindakan kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat dengan projek-projek atau idea-idea yang kreatif melalui kesepakatan antara pelbagai Kementerian, Jabatan atau Agensi Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta. Projek-projek ini dilaksanakan dengan segera, berimpak tinggi dan faedahnya dirasakan oleh rakyat jelata, dengan menggunakan perbelanjaan yang minimum.

Pada bulan Julai tahun 2012, YAB Perdana Menteri meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama dengan Kementerian Dalam Negeri supaya melaksanakan Program Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood: MyBN*): di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan. Program MyBN ini adalah bertujuan untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk perumahan awam terutamanya seperti kemudahan infrastruktur dan alam persekitaran yang tidak terurus dan kotor yang telah membangkitkan rasa terbiar, hilang harapan dan kepercayaan di kalangan rakyat, dengan ini menjejaskan kualiti hidup rakyat secara menyeluruh. Projek MyBN telah mula dilaksanakan pada tahun 2012 dengan pelaksanaan 8 projek membaiki pulih kawasan perumahan awam dan 5 projek pembinaan semula rumah terbakar (*House Build*).

Ekoran daripada hasil dan faedah yang baik yang dirasakan oleh rakyat jelata, projek MyBN telah diperluaskan kepada 21 projek dan 9 projek house build oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada tahun 2013. Sebagai simbolik kepada bermulanya projek MyBN pada tahun ini, Majlis Pelancaran MyBN telah disempurnakan oleh pemimpin persekutuan dan pemimpin tempatan. Sebanyak 21 projek MyBN telah dilancarkan antaranya:

Tarikh Pelancaran	Projek	Dilancarkan oleh
3 Feb 2013	1. Rumah Pangsa Tongkang Yard, Kedah	YB Dato' Seri Chor Chee Heung Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
2 Mac 2013	2. Rumah Pangsa Alor Malai, Kedah 3. Taman Nira, Batu Pahat, Johor 4. Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Taman Jengka Impian, Pahang 5. Rumah Pangsa Bandar Baru Teluk Kumbar, Pulau Pinang	YB Dr. Hj. Mohd Puad bin Zarkashi Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia YB Dato' Hj. Ismail Hj. Mohamed Said Ahli Parlimen Kuala Krau Yang Berusaha Tuan Teng Chang Yeow Pengerusi BN Pulau Pinang
9 Mac 2013	6. Rumah Pangsa Buluh Kubu, Kelantan	YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
12 Mac 2013	7. Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Batu 1, Jalan Teras 2, Pahang 8. Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Kg Telemong, Pahang 9. Perumahan Awam Kos Rendah (RAKR) Kg. Muhibbah Karak, Pahang	Dato' Hoh Khai Mun YB Ahli Exco Negeri Pahang/ADUN Bilut
14 Mac 2013	10. Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Jalan Karak, Mentakab, Pahang 11. Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Temerloh 1, Pahang	YB Dato' Saifuddin bin Abdullah Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
15 Mac 2013	12. Desa Keluarga Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Kg Bijangga, Dungun, Terengganu	YB Datuk Haji Za'abar bin Haji Mohd Adib Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri (ADUN Rantau Abang) mewakili Y.A.B Menteri Besar Terengganu
16 Mac 2013	13. Rumah Pangsa Ujong Pasir, Melaka 14. Taman Perumahan Kos Rendah P. Gadong 1, Melaka	YB Datuk Seri Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam Ketua Menteri Negeri Melaka
17 Mac 2013	15. PPR Taman Sri Harmoni, Sarawak 16. Rumah Pangsa Taman Malihah II, Sarawak 17. Rumah Pangsa Taman Malihah Jaya, Sarawak	YB Datuk Amar Abang Hj. Abdul Rahman Zohari b. Tun Abang Hj. Openg Menteri Perumahan Sarawak dan Pelancongan Sarawak YB Datuk Fadillah Yusof Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
19 Mac 2013	18. Rumah Pangsa Mengkarak Stesen, Bera	YB Norolazali bin Sulaiman ADUN Guai
23 Mac 2013	19. Rumah Pangsa Templer 2, Negeri Sembilan	YB Dato' Yeow Chai Tiam Pengerusi MCA Negeri Sembilan
24 Mac 2013	20. Rumah Pangsa Kilang Lama, Kulim	YB Dato' Seri Chor Chee Heung , Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
13 April 2013	21. Rumah Pangsa Perumahan ERHP Taman Keramat, Sabah	YB Tan Sri Bernard Giluk Dompok Menteri Peladangan dan Komoditi Malaysia



Antara aktiviti yang dijalankan sempena majlis pelancaran adalah :

- Majlis menandatangani papan tanda *My Beautiful Neighbourhood* sebagai simbolik permulaan projek;
- Majlis menandatangani MOU antara penduduk dengan PPSPPA untuk menjaga kebersihan kawasan;
- Senamrobik;
- Mengecat bangunan;
- Menanam pokok;
- Gotong-royong membersihkan kawasan;
- Pendaftaran sukarelawan 1M4U untuk golongan belia;
- Pameran daripada jabatan-jabatan seperti Jabatan Kesihatan, PDRM, PPSPPA dan sebagainya.

Manakala 2 daripada 9 projek house build telah siap dibina semula oleh anggota BOMBA dalam tempoh masa 35 hari. Sumber peruntukan projek house build adalah sumbangan ihsan daripada pemaju, REHDA, TNB, agensi-agensi lain seperti Yayasan Darul Iman, Majlis Agama Islam Perak dan lain-lain.

Pada 8 Mac 2013, Majlis Penyerahan Kunci *House Build* kepada Pn. Fatimah binti Boloi, Sibul, Sarawak telah disempurnakan oleh YB Dr. Annuar Rafie, ADUN Nangka.



18 Mac 2013, Majlis Penyerahan Kunci *House Build* kepada En. Gilbert Tessensohn, Paya Rumput, Melaka telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Ketua Menteri Negeri Melaka.



PECAH TANAH PROJEK PPR PARLIMEN KOTA BHARU

Datuk Seri Najib Tun Razak telah merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kota Bharu pada 15 Mac 2013. Projek yang melibatkan sebanyak 1,000 unit di Mukim Bandar ini dibina khas untuk warga sekitar Kota Bharu.

Dalam majlis tersebut, YAB Perdana Menteri turut mengumumkan berita gembira buat penduduk setempat bahawa rumah terbabit berkeluasan 700 kaki persegi dengan tiga (3) bilik tidur dan dua (2) bilik air, yang dibina dengan kos kira-kira RM160,000 seunit, akan dijual pada harga RM35,000 seunit dan pihak Kerajaan akan menanggung subsidi pembinaan sebanyak RM125,000.

Pembinaan PPR untuk penduduk setempat ini adalah antara tujuh (7) janji yang diumumkan YAB Perdana Menteri ketika melancarkan Program Janji Ditepati, di Pusat Transformasi Luar Bandar Kelantan pada 20 Januari 2013.



RUMAH PANGSA TUN DR ISMAIL MENIKMATI BAIK PULIH RM1.6 JUTA

YB. Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan majlis penyerahan projek membaikpulih Rumah Pangsa Tun Dr Ismail pada 4 Februari 2013 di Seremban.

Rumah pangsa yang dibina pada 1964 ini menikmati baik pulih berjumlah RM1.6 juta di mana (90%) bersamaan RM1.46 juta ditanggung

PPR TAMAN KINARUT RIA SIAP DIBINA UNTUK RAKYAT BERPENDAPATAN RENDAH

YB. Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan majlis penyerahan projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Kinarut Ria yang bernilai RM54.89 juta yang memberi peluang kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) dan ibu tunggal untuk mendiami PPR ini pada 9 Mac 2013.

PPR Taman Kinarut Ria ini adalah komitmen Kerajaan Persekutuan bagi setinggan dan berpendapatan rendah termasuklah OKU dan ibu tunggal untuk mendiami rumah yang selesa, mempunyai fasiliti perumahan yang mencukupi dan berkualiti. PPR yang mampu disewa dengan harga RM150 oleh penduduk setinggan yang berpendapatan rendah ini, diharap dapat memperbaiki mutu kehidupan rakyat sejajar dengan kepesatan arus pembangunan negara dan program sifar setinggan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah membina Projek PPR Taman Kinarut Ria ini di atas tanah seluas 14.4 ekar. Kontraktor pembinaan Imej Sutera Sdn. Bhd telah memulakan projek ini sejak 19 Mac 2007 dan siap sepenuhnya serta memiliki Perakuan Siap Menduduki (OC) pada 16 Mac 2012.

PPR Taman Kinarut Ria ini merangkumi dari 8 blok rumah pangsa 4 hingga 5 tingkat yang menempatkan 725 unit rumah (10 unit untuk OKU di blok F), 2 unit taman permainan, 1 unit surau, 5 unit kedai, 2 bilik serbaguna, 1 unit tadika dan 1 unit dewan.

oleh Kerajaan Persekutuan dan bakinya berjumlah (10%) bersamaan RM146 ribu ditanggung oleh Kerajaan Negeri Sembilan. Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) di bawah Jabatan Perumahan Negara ini bertujuan untuk memulihkan dan menyenggara bangunan berstrata kos rendah awam diseluruh negara.

Bagi Rumah Pangsa ini, masalah infrastruktur penghuni yang dibaiki adalah :

- mengecat bumbung
- bumbung
- longkang bangunan
- tingkap
- pintu
- apron bangunan dan peti surat
- lif
- pam air
- sistem pendawaian elektrik
- sistem pencegahan kebakaran

Bagi tahun 2013, skop kerja baik pulih tertumpu kepada membaiki bumbung, mengganti longkang bangunan, mengganti tingkap, pintu, apron bangunan dan peti surat. Kos projek ini dianggarkan RM 0.5 juta dan kos PPP yang ditanggung oleh JPN ialah RM 0.46 juta. (90% dari jumlah keseluruhan). Manakala kerja baik pulih ini pada 2012 melibatkan membaiki lif, membaiki pam air, sistem pendawaian elektrik, mengecat bangunan dan system pencegahan kebakaran. Kos projek ini adalah RM

Di negeri Sabah, sehingga kini Kerajaan telah melaksanakan 27 projek melibatkan 19,491 unit. Sebanyak 15 projek telah disiapkan iaitu melibatkan 13,256 unit. Manakala 12 projek lagi masih dalam peringkat pelaksanaan.

Terdapat 5 projek PPR dimiliki di Negeri Sabah masih dalam proses perancangan yang melibatkan 3,058 unit bagi projek baru RMK10 Rolling Plan Pertama dan juga projek baru RMK10 untuk tahun 2013. Ini merupakan antara 45 projek PPR baru 2013 yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri ketika pembentangan Bajet 2013 baru-baru ini. Kerajaan Persekutuan melalui KPKT telah mensasarkan keseluruhan pembinaan sebanyak 103,989 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat di seluruh Negara. Dari jumlah tersebut sebanyak 67,886 unit telah siap dan sebanyak 36,103 unit masih dalam pelbagai peringkat perancangan dan pelaksanaan.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan yang besar bagi melaksanakan Program Perumahan Rakyat di seluruh negara di mana sebanyak RM 2.517 billion telah disediakan di bawah RMKe-9. Manakala dalam 'Rolling Plan' Pertama dan 'Rolling Plan' Ke-2 RMKe-10, KPKT telah menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek sambungan dan baru PPR Disewa sebanyak RM 991.37 juta Kerajaan Persekutuan akan menyediakan peruntukan bagi 'Rolling Plan' Ke-3, 'Rolling Plan' Ke-4 dan 'Rolling Plan' Ke-5 bagi projek ini.



1.1 juta dan kos yang ditanggung oleh PPP ialah RM 0.99 Juta. (90% dari jumlah kos keseluruhan).

Projek baik pulih ini meliputi dua blok 14 tingkat kediaman dan kedai yang merangkumi 264 unit rumah kediaman, 17 unit kedai 2 blok 2 tingkat dan 10 unit rumah kedai yang dihuni oleh 1,300 orang penghuni di mana 70% adalah India, 20 % Melayu dan 10 % adalah Cina. Secara keseluruhannya kerja baik pulih ini melibatkan kerja infra dan bangunan (mengecat bangunan), kerja elektrik (memasang semula sistem perlindungan kilat, membekal dan menukar baru peti agihan, *Sub-switch board*, *GI Trunking* dan DP telefon) dan kerja mekanikal (mengganti paip air dari meter ketangi individu dan menukar tangki individu, membaiki dan mengganti saluran kumbahan yang rosak dan tidak berfungsi). Pemaju asal adalah bagi rumah pangsa ini adalah Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan dan diletakkan di bawah Majlis Perbandaran Seremban.



DANA KERAJAAN BAGI PEMULIHAN PROJEK TERBENGKALAI DESA AMAN

YB. Dato' Seri Chor Chee Heung selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan majlis penyerahan kunci kepada pembeli projek perumahan Desa Aman, Mukim 13, Daerah Timur Laut Pulau Pinang pada 25 Januari 2013.

Projek ini berjaya dipulihkan setelah terbengkalai sejak Disember 2005 dengan suntikan dana sebanyak RM13.6 juta dari Kerajaan. Kontraktor penyelamat Patsifit Construction Sdn. Bhd. telah berjaya menyiapkan projek ini dalam masa 18 bulan bermula pada 22 Jun 2011 hingga 22 Disember 2012.

Projek perumahan ini juga telah diberikan Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 28 Disember 2012. Projek Desa Aman ini sepatutnya siap sepenuhnya pada tahun 2003 telah dihentikan selepas pemaju projek asal Bina Nusa Sdn. Bhd. menghadapi masalah kewangan dan pengurusan. Projek yang dibina atas tanah milik 10 orang tuan tanah ini merangkumi rumah pangsa 20 tingkat dan rumah pangsa 10 tingkat.

Pada 17 Mei 2010, syarikat pemaju asal telah digulungkan di Mahkamah dan Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pelikuidasi. Pelantikan kontraktor penyelamat telah dilaksanakan secara tender terbuka oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kalangan pemaju/kontraktor yang lulus pra-kelayakan. Patsifit Construction Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai kontraktor penyelamat pada 15 April 2011. Pembayaran kepada kontraktor hanya dilaksanakan setelah projek siap dengan Sijil Layak Menduduki (CFO).

PROJEK TERBENGKALAI DESA KPMP BERJAYA DISIAPKAN AWAL TANPA KOS TAMBAHAN

Pada 14 Januari 2013, Y.Bhg. Datuk Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan majlis penyerahan kunci projek perumahan terbengkalai Desa KPMP, Batu Gajah, Perak.

Projek ini telah diisytiharkan sebagai projek perumahan terbengkalai oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 16 Mei 2011 ini telah berjaya disiapkan sebulan awal dari tempoh kontrak oleh kontraktor penyelamat Syarikat Unijaya Sdn. Bhd dan pihak pelikuidasi Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd. Projek pemulihan ini juga telah disiapkan tanpa dana dari Kerajaan dan kos tambahan dari pembeli rumah.

Tempoh kontrak pemulihan adalah selama 10 bulan mulai 2 Mac 2012 hingga 2 Januari 2013. Sijil Layak Menduduki (CFO) bagi Desa KPMP ini juga telah berjaya diperolehi pada 6 Disember 2012 untuk pelbagai kategori rumah yang terdiri daripada 298 unit pelbagai kategori rumah teres satu tingkat dan dua tingkat serta 6 unit rumah kedai.

Projek Perumahan Desa KPMP adalah sebuah projek perumahan yang dimajukan di Kampung Gajah, Perak oleh syarikat Dwi Milik Sdn. Bhd. di atas tanah milik Koperasi Pembangunan Keluarga Haji Mohamed Perak (KPMP). Kerja-kerja pembinaan terhenti pada pertengahan 2006 apabila pemaju projek berhadapan dengan masalah kewangan dan masalah penjualan. Pada 14 Februari 2012, syarikat pemaju asal telah digulungkan di Mahkamah dan pihak Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pelikuidasi. Syarikat Unijaya Sdn. Bhd pula telah dilantik sebagai kontraktor penyelamat oleh pihak pelikuidasi pada 31 Januari 2012.



YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, telah merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Projek Terbengkalai Taman Sri Bemban, Perak pada 14 Januari 2013.

Projek pemulihan Taman Sri Bemban ini berjaya dipulihkan dengan peruntukkan sebanyak RM5.3 juta dari Kerajaan dalam masa 10 bulan iaitu bermula pada 29 Februari 2012 sehingga 29 Disember 2012 oleh kontraktor penyelamat Trans Eco Development Sdn. Bhd dan pelikuidasi Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd. Projek pemulihan yang berjaya disiapkan ini merangkumi 30 buah rumah teres satu tingkat dan 25 buah rumah teres dua tingkat telah diberikan Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 6 Disember 2012.

Projek ini asalnya adalah sebuah projek perumahan yang dimajukan oleh Syarikat Uniservice (M) Sdn. Bhd. di atas tanah milik Uniservice (M) Sdn. Bhd pada tahun 1998. Projek ini sepatutnya siap sepenuhnya pada tahun 2000. Kegagalan aliran tunai dan masalah kewangan menyebabkan projek terhenti.

Projek perumahan Taman Sri Bemban telah diisytiharkan sebagai projek perumahan terbengkalai pada 31 Disember 2002. Pada 4 November 2010, syarikat pemaju asal telah digulungkan di Mahkamah dan Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pelikuidasi. Pelantikan kontraktor penyelamat telah dilaksanakan secara tender terbuka dikalangan pemaju/kontraktor yang lulus pra-kelayakan. Seterusnya, Trans Eco Development Sdn. Bhd. telah berjaya dilantik sebagai kontraktor penyelamat pada 23 Februari 2012.

Majlis tersebut diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua Majlis Daerah Perak Tengah, Pegawai Kanan KPKT, Pegawai Kanan SUK Perak, Eksekutif Kanan Trans Eco Development Sdn. Bhd, Eksekutif Kanan Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd dan pembeli rumah.

PERUMAHAN



2.13 JUTA UNTUK BAIKPULIH RUMAH PANGSA GENTAM, KUALA PILAH

YB. Dato' Hasan Malek, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah merangkap Ahli Parlimen Kuala Pilah telah diundang oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk merasmikan majlis penyerahan projek membaikpulih rumah Pangsa Gentam, Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 9 Februari 2013.

Rumah Pangsa Gentam Kuala Pilah yang berwajah baru ini adalah hasil daripada Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) 90:10 di mana kerajaan persekutuan telah menyumbangkan 90 peratus iaitu RM1.92 Juta.

Rumah pangsa yang dibina pada tahun 1983 ini menikmati baikpulih keseluruhan berjumlah RM 2.13 Juta yang mana selebihnya, iaitu RM210,00, 10 peratus daripadanya adalah sumbangan Kerajaan Negeri. Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) melalui Jabatan Perumahan Negara ini bertujuan untuk memulih dan menyenggara bangunan berstrata kos rendah awam seluruh negara. Bagi rumah pangsa ini, infrastruktur bangunan yang dibaikpulih adalah seperti berikut:-

- mengecat bangunan
- mengganti tangki air dan paip air
- menaiktaraf dewan
- menaiktaraf pejabat
- menaiktaraf surau
- pemulihan elektrik
- menggantikan peti surat
- menggantikan awning
- membaikpulih longkang parit
- menaiktaraf ruang parkir
- turapan jalan



Projek baikpulih ini meliputi sepuluh (10) blok, lima(5) tingkat yang membawa kepada dua ratus (200) unit rumah yang dihuni oleh 750 orang penghuni dimana 60% adalah Melayu, 30% Cina dan 10% India. Pemaju asal bagi rumah ini pangsa ini adalah Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan dan diletakkan di bawah seliaan Majlis Perbandaran Seremban.

Bagi tahun 2013, sejumlah RM48 juta dianggarkan bagi tujuan membaikpulih dan daripada jumlah tersebut sebanyak 43 juta diperuntukkan dibawah program penyenggaraan perumahan.



PENYERAHAN ALAT PENGGERA KESELAMATAN (KIOSK INTERAKTIF) DI PERSIMPANGAN JALAN STESEN / JALAN WONG FOOK, JOHOR BAHRU

Majlis Perasmian dan Penyerahan Alat Penggera Keselamatan (Kiosk Interaktif) di Persimpangan Jalan Stesen/ Jalan Wong Ah Fook, Johor Bahru kepada Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan telah disempurnakan oleh Tuan Haji Burhan bin Amin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 25 Februari 2013.

Penggera keselamatan atau kiosk interaktif merupakan salah satu langkah Program Bandar Selamat yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Johor Bharu dalam usaha mengurangkan jenayah. Penggera keselamatan ini dihubungkan terus ke IPD Johor Bharu Selatan. Orang awam boleh berhubung terus dengan pihak polis dan melaporkan sebarang kecemasan atau kejadian jenayah dengan hanya menekan butang pada penggera keselamatan. CCTV berdekatan akan merakam individu yang membuat pelaporan bagi mengelak aktiviti laporan palsu dan vandalisme.

INISIATIF PEMUTIHAN KAWASAN BLACK SPOTS DI PBT

Lanjutan daripada pelaksanaan Program Bandar Selamat di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah, Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0, KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah dipertanggungjawab untuk melaksanakan Inisiatif Pemutihan Black Spots melalui pelaksanaan langkah Program Bandar Selamat dan CPTED di bawah GTP 2.0. Kawasan black spot ialah kawasan yang tidak semestinya mempunyai indeks jenayah yang tinggi tetapi menimbulkan perasaan takut menjadi mangsa jenayah (fear of becoming victim of crime).Sehubungan itu, pada tahun 2013 sebanyak 20 kawasan black spots telah dikenalpasti seperti jadual di bawah:



SENARAI KAWASAN BLACK SPOTS 2013

Bil	Negeri (Pihak Berkuasa Tempatan)	Kawasan Black Spots
WILAYAH PERSEKUTUAN		
1	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	1. Taman Connaught (sebelah Giant) 2. Pasar Pudu
SELANGOR		
2	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	1. Kampung Melayu Subang
3	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	1. Kawasan Desa Mentari (PJS 5 dan PJS 6) 2. Kawasan Lembah Subang (PPR Taman Putra Damai)
4	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	1. Kawasan Jawatankuasa Penduduk Zon 5 (JKP5)
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	1. Pandan Indah, Pandan Mewah, Taman Putra dan Pandan Indah Business Park
6	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	1. Kawasan Perumahan dan Perniagaan Taman Desa Aman Puri
7	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	1. Taman Bayu Perdana dan Taman Chi Liung, Klang Selatan 2. Taman Kem dan Taman Berembang, Pelabuhan Klang
JOHOR		
8	Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)	1. Kawasan Taman Daya
9	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT)	1. Bandar Selasa Jaya
PULAU PINANG		
10	Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)	1. Kawasan Jalan Padang Tembak, Kawasan Perumahan Flat Kampung Melayu, Ayer Itam dan Flat Desa Mawar
11	Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)	1. Taman Inderawasih dan Taman Chai Leng
KEDAH		
12	Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS)	1. Kawasan Limbong Kapal dan Sungai Raja, dan 2. Kuala Kedah (Pekan Kuala Kedah, Perumahan Kos Rendah Taman Sri Putra dan Taman Desa Rena)
PERAK		
13	Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)	1. Kawasan Rumah Pangsa Jalan Hospital
SARAWAK		
14	Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)	1. Kawasan Gita
15	Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS)	1. Kawasan Tabuan Jaya dan Tabuan Melayu
16	Majlis Bandaraya Miri (MBM)	1. Kawasan Tudan dan Permyjaya
SABAH		
17	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)	1. Kawasan CBD Kota Kinabalu (Pasar Besar, Pasar Filipina, Api-Api), Bandaran Berjaya, Sadang Jaya, Karamunsing, Sembulan, Sembulan Baru, Sempelang, Tanjung Aru



PBT NEGERI SABAH TERIMA SUMBANGAN MEMBANTU KADAR RM31.63 JUTA DAN GERAN TAHUNAN RM35.86 JUTA

YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyampaikan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) dan Geran Tahunan (GT) kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sabah pada 9 Mac 2013 di Kota Kinabalu. Geran Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan ialah pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri berdasarkan peruntukan 109(3) Perlembagaan Persekutuan. Manakala Sumbangan Membantu Kadar (SMK) adalah pemberian di bawah perkara 156 Perlembagaan Persekutuan bagi menggantikan cukai bangunan Kerajaan Persekutuan di dalam kawasan PBT.

Bagi tahun 2013 ini, Geran Tahunan kepada semua PBT Negeri Sabah adalah RM35.86 juta akan disalurkan



CORPORATE INTEGRITY PLEDGE ANTARA PPSPPA DENGAN SPRM

YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Chor Chee Heung menyaksikan Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (Corporate Integrity Pledge :CIP) antara Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan (PPSPPA) dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 13 Mac 2013 di Putrajaya. CIP ini ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif PPSPPA, Y.Bhg. Datuk Hj. Zaini Bin Md Nor di hadapan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Y.Bhg. Dato' Hj. Sutinah Binti Suta.

CIP ini adalah komitmen PPSPPA dalam menjalankan amanah sebagai sebuah agensi tunggal dipertanggungjawabkan dalam pengurusan sisa pepejal di negara ini dengan berintegriti atas khidmat nasihat SPRM dalam memastikan kejayaan dalam penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672)

- pelaksanaan prosedur kawalan dalaman dan program-program integriti secara berterusan yang membentuk perjalanan operasi PPSPPA yang kukuh.



kepada semua PBT Negeri Sabah sebagai bayaran Geran Tahunan bertujuan membantu kewangan mengurus PBT termasuk bayaran emolumen dan penyelenggaraan aset-aset PBT; Sumbangan Membantu Kadar pula adalah sebanyak RM31.63 juta akan disalurkan kepada kesemua PBT Negeri Sabah bagi membantu PBT menyelenggara aset-aset Kerajaan Persekutuan dalam kawasan PBT.

Bagi Negeri Sabah, peruntukan kewangan bagi tujuan pembangunan dan kemajuan, berdasarkan RM Ke-9 yang lalu, jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada seluruh Negeri Sabah keseluruhannya berjumlah RM1.60 billion daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.43 billion atau 89% berjaya dibelanjakan. Sementara itu sehingga tahun 2012, di bawah RMKe-10, Negeri Sabah telah diberikan peruntukan sebanyak RM125.76 juta dengan keseluruhan perbelanjaan sekitar RM104.91 juta atau 83%. Jumlah ini telah berjaya membiayai 1,456 projek pembangunan sekitar Negeri Sabah sehingga 2012



- tanggungjawab memantau dan mengawal selia prestasi 3 syarikat konsesi yang telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan: Alam Flora Sdn. Bhd, Southern Waste Management Sdn Bhd dan Environment Idaman Sdn Bhd dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negara yang efisien
- komitmen PPSPPA untuk melaksanakan dasar-dasar dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara bersepadu dan efektif melalui peningkatan kesedaran awam dan penggunaan teknologi terkini bagi memastikan Malaysia mempunyai persekitaran yang bersih, sihat dan mampan.

Majlis ini turut dihadiri oleh Datuk Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha; Datuk Noriah Binti Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan); Encik Yong Bun Fou, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan); Ketua-ketua Jabatan dan Setiausaha-setiausaha Bahagian KPKT.

BERITA TEMPATAN

RM1.35 JUTA PERUNTUKAN BAGI PEMBINAAN MINI STADIUM MAJLIS DAERAH BALING

Bagi merealisasikan aspirasi Gagasan 1Malaysia dalam membentuk perpaduan dan kemakmuran di kawasan setempat, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyalurkan sebanyak 93.9 % iaitu RM 1.3 juta untuk pembinaan Mini Stadium Majlis Daerah Baling menurut YB Dato' Seri Chor Chee Heung pada majlis Pecah Tanah cadangan Pembinaan Stadium tersebut pada 24 Mac 2013.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), melalui Jabatan Kerajaan Tempatan, telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM19.4 juta bagi melaksanakan 274 projek di 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kedah. Penyaluran peruntukan tersebut adalah melaksanakan 184 projek kecil di kawasan PBT dan Kampung Tradisional yang merangkumi 169 Projek infrastruktur seperti membina dan menaiktaraf jalan, longkang dan tempat letak kereta awam, 13 Projek Kemudahan Awam seperti membina dewan orang ramai, pondok menunggu bas, tandas awam dan 2 Projek Sosio-ekonomi seperti projek membina dan menaik taraf pasar awam, gerai dan tapak pasar pagi; dan juga bagi melaksanakan 90 Program Kemajuan Perkampungan seperti projek menaik taraf jalan, longkang, dewan dan gelanggang sukan di kawasan Kampung Baru.

Selain daripada penyaluran peruntukan bagi tujuan pembangunan pada tahun 2012 kesemua PBT di Negeri Kedah turut menerima sumbangan lain daripada Kerajaan Persekutuan bagi membantu operasi dan mengurus PBT melalui pemberian Geran Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan sejumlah RM 29,928,251 dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) sejumlah RM4,898,579.90.

Untuk tahun 2013, bagi membantu mewujudkan PBT yang lebih dinamik dan berdaya saing, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM 23.2 juta bagi tujuan pelaksanaan 132 projek kepada semua PBT Negeri Kedah. Kerajaan Persekutuan amat komited dalam memberi penekanan terhadap aspek pembangunan lestari yang juga turut menitik beratkan kesejahteraan alam sekitar.

SESI KONSULTASI AWAM, LANDSKAP PERBANDARAN TANAH RATA CAMERON HIGHLANDS, PAHANG-26 JANUARI 2013

Pada 26 Januari 2013 bertempat di Kelab Golf Sultan Haji Ahmad Shah, Cameron Highlands, pihak Jabatan telah menganjurkan program Sesi Konsultasi Awam Cadangan Pembangunan Landskap Perbandaran Tanah Rata, Cameron Highlands. Tujuan sesi konsultasi ini diadakan ialah bagi mendapatkan pandangan orang awam dan *stake holders* ke atas cadangan pembangunan landskap perbandaran yang akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan. Secara keseluruhannya, pihak Jabatan menerima sambutan baik daripada pelawat yang hadir ke sesi konsultasi tersebut. Sesi telah berlangsung bermula pada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.



SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA (HLN) 2013

3 Mac 2013 (3.3.13 - three, three, one three) merupakan tarikh Sambutan Hari Landskap bertemakan 1Malaysia: Komuniti Penggerak Negara Taman dirasmikan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertempat di Taman Mergong Jaya (Fasa 2), Alor Setar, Kedah. Tema sambutan pada tahun ini adalah berasaskan Teras 1, Dasar Landskap Negara (DLN) - Membudayakan Kecintaan Terhadap Landskap yang memupuk kesedaran masyarakat untuk menghargai dan mencintai landskap bagi memacu usaha ke arah Negara Taman Terindah. Sambutan HLN pada tahun ini disambut pada tarikh 3.3. Sekiranya diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris "Three, Three" seperti "Tree, Tree" yang bermaksud pokok. Secara tidak langsung ia melambangkan Sambutan HLN tidak dapat dipisahkan dengan usaha-usaha penanaman pokok untuk memelihara kehijauan alam sekitar. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Landskap Negara (JLN) menyambut HLN ini secara tahunan dengan tujuan:

- mengingatkan setiap dari kita bahawa kita merupakan khalifah di atas muka bumi ini yang berperanan untuk memelihara alam sekitar
- mendidik generasi muda akan kepentingan alam semulajadi dalam menyokong kesejahteraan hidupan di atas muka bumi ini
- mempertingkatkan kesedaran umum tentang kepentingan pokok bagi mengekalkan tahap kehijauan kualiti landskap dan alam sekitar yang menyumbang kepada persekitaran yang sihat, selamat dan indah di seluruh negara.

Sambutan HLN 2013 di Alor Setar, Kedah ini yang berlangsung dari 1 hingga 3 Mac ini disambut dengan kapasiti yang sederhana tetapi meriah dan sarat dengan pelbagai aktiviti antaranya:

- senamrobik dan rekreasi ke arah budaya hidup sihat
- pelancaran Sambutan HLN 2013 pada 3 Mac 2013
- gotong-royong membaiki pulih, menyelenggara dan membersihkan kawasan taman
- penanaman pokok oleh VIP dan komuniti
- pameran JLN dan agensi lain serta kiosk jualan produk landskap

Sepanjang majlis berlangsung, kehadiran pengunjung amat baik sekali khususnya di kalangan penduduk Taman Mergong Jaya dan dianggarkan seramai 848 orang tetamu jemputan telah hadir pada majlis pelancaran. Sambutan ini akan berterusan sehingga 30 September 2013 (tarikh pelancaran Dasar Landskap Negara) dengan pengisian program kolaborasi bersama JLN dan agensi lain. Jutaan terima kasih kepada Majlis Bandaraya Alor Setar dan semua pihak yang terlibat di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan penganjuran HLN 2013 ini.





LAWATAN



DELEGASI KOREA KE KPKT DAN MEMORANDUM KRIHS DAN EAROPH 23 FEBRUARI 2013



LAWATAN DELEGASI GHANA



LAWATAN DELEGASI LESOTTO



KUNJUNGAN HORMAT PEMIMPIN DAN PENTADBIRAN DAERAH HULU TERENGGANU KE JLN

Pada 5 Februari 2013, pihak Jabatan Landskap Negara (JLN) telah menerima kunjungan hormat yang terdiri daripada Ahli Parlimen Hulu Terengganu, ADUN Ajil, ADUN Telemong, ADUN Kuala Berang, Pegawai Daerah Hulu Terengganu, Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Terengganu, Jurutera Daerah Hulu Terengganu dan wakil pegawai Majlis Daerah Hulu Terengganu. Tujuan kunjungan ini diadakan ialah bagi mengadakan perbincangan bersama Ybrs Ketua pengarah JLN ke atas potensi pembangunan landskap yang boleh dilaksanakan di Daerah Hulu Terengganu sempena dengan Kempen Tahun melawat Terengganu 2013.



LAWATAN TEKNIKAL DARI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Pada 7 Februari 2013, Jabatan Landskap Negara telah menerima kunjungan daripada wakil pegawai Unit Landskap, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Tujuan utama kunjungan rasmi ini ialah bagi mendengar taklimat khusus berhubung dengan kaedah pengurusan dan penyelenggaraan landskap yang baik. Taklimat telah disampaikan oleh En. Mohd Salleh Mahmood, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat.



LAWATAN YB MENTERI KE TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL CHEROH, RAUB

YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Chor Chee Heung telah melawat Tapak Pelupusan Cheroh Raub pada 14 Januari 2013. Lawatan tersebut turut disertai oleh YB Menteri Pelancongan Malaysia, Dato' Seri Dr. Ng. Yen Yen yang turut merangkap sebagai Ahli Parlimen Raub. YBhg. Dato' Dr. Nadzri b. Yahaya, Ketua Pengarah JPSPN telah memberikan taklimat ringkas mengenai status tapak pelupusan dan perancangan pengurusan sisa pepejal di Daerah Raub khasnya pada sesi lawatan tersebut. Program kemudian diteruskan lagi dengan sesi dialog bersama penduduk Kg. Baru Cheroh, Raub. Sesi diadakan bertujuan untuk memberikan penjelasan dan menjawab pertanyaan penduduk setempat mengenai tapak pelupusan yang sedang dinaik taraf.



LAWATAN KSU KETAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL BATU 3, BATU GAJAH

Pada 14 Januari 2013 Ketua Setiausaha (KSU) KPKT YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak mengadakan lawatan kerja ke salah satu projek JPSPN iaitu Projek Menaiktaraf Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Batu 3, Batu Gajah, Perak. Pihak Perunding dan kontraktor dilantik memberikan taklimat mengenai status projek tersebut kepada KSU KPKT dan pegawai-pegawai yang turut serta. KSU turut membuat tinjauan lapangan di tapak projek bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas.



LAWATAN

LAWATAN KE TAPAK PROJEK-PROJEK IRDA DI KAWASAN NUSAJAYA, JOHOR

Bersempena dengan penganjuran Mesyuarat Pengurusan KPKT Bil. 3/2013 yang diadakan di Iskandar Region Development Authority (IRDA), Johor pada 17 hingga 18 Februari 2013, semua Ahli Mesyuarat Pengurusan KPKT telah dibawa melawat tapak-tapak projek IRDA di kawasan Nusajaya, Johor pada 17 Februari 2013 di lokasi-lokasi berikut:

- (i) Iskandar Malaysia Information Centre (IMIC);
- (ii) Bangunan Pentadbiran Kota Iskandar;
- (iii) Infrastructure Innovation First Solid Waste Integration System;
- (iv) Edu-City;
- (v) Integrated Emergency Response Centre;
- (vi) Rumah Iskandar; dan
- (vii) Puteri Harbour.

Sesi lawatan tersebut membolehkan semua Ahli Mesyuarat Pengurusan KPKT mendapat pandangan sisi terkini mengenai penggunaan inovasi dan aplikasi dasar-dasar Kerajaan di dalam pelaksanaan projek IRDA.

Mesyuarat dan lawatan ini adalah anjuran Bahagian Korporat bersama-sama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia. Mesyuarat Pengurusan KPKT Bil.3/2013 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Klebang Pari, Ibu Pejabat IRDA pada 18 Februari 2013.



LAWATAN KE INSINERATOR PULAU PANGKOR



AKTIVITI TTPR



MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN PRESIDEN TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH (TTPR)

Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyempurnakan majlis penyerahan watakat pelantikan presiden TTPR pada 21 Februari 2013. Majlis ini merupakan yang julung kalinya diadakan sejak penubuhan TTPR pada 1 Januari 2003. Majlis pelantikan ini adalah suatu amanah sebagai hakim bagi memastikan keadilan dapat dicapai dalam membela nasib pembeli rumah yang teraniaya atau kurang bernasib baik.

Sejak penubuhan TTPR, sebanyak 34,122 kes telah difailkan oleh pembeli dan daripada jumlah tersebut sebanyak 33,573 kes bersamaan 98.4% dari kes yang difailkan telah dapat diselesaikan.

Sehingga 31 Disember 2012, TTPR telah memberi award kepada pembeli rumah sebanyak RM115,098,317.90 (satu ratus lima belas juta sembilan puluh lapan ribu tiga ratus tujuh belas ringgit dan sembilan puluh sen). TTPR juga telah diberikan mandat khusus untuk menyelesaikan pertikaian yang timbul daripada perjanjian jual beli rumah di antara pembeli dan pemaju perumahan dalam tempoh yang ditetapkan. Ia adalah saluran alternatif kepada pembeli rumah untuk memfailkan tuntutan terhadap pemaju perumahan bagi pertikaian yang berbangkit dari Perjanjian Jual Beli dengan cara yang mudah, murah dan cepat. Pada tahun 2007, pindaan telah dibuat terhadap Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dengan –

- Menaikkan bidang kuasa TTPR daripada RM25,000 kepada RM50,000;
- Memberi kuasa kepada TTPR untuk mendengar tuntutan daripada pemilik rumah yang didirikan atas tanah komersil seperti service apartment, SOHO, SOVO dan sebagainya;
- Memberi kuasa kepada TTPR untuk mendengar pertikaian yang berbangkit daripada perjanjian jual beli yang ditamatkan lebih awal (dalam kes rumah terbengkalai);
- Menaikkan penalti ingkar award TTPR daripada maksimum RM5,000 kepada minimum RM5,000 hingga maksimum RM10,000.

Pada penghujung tahun 2011 pula, sekali lagi Akta 118 dipinda bagi:

- Membolehkan TTPR mendengar tuntutan yang dibuat oleh pembeli rumah terhadap pemaju yang tidak berlesen; dan
- Menaikkan penalti ingkar award TTPR daripada minimum RM5,000 hingga maksimum RM10,000 kepada minimum RM10,000 hingga maksimum RM50,000.

Namun, pindaan ini belum dikuatkuasakan berikutan terdapat beberapa masalah teknikal yang perlu diselesaikan.



PROMOSI TTPR



12 JANUARI 2013

TTPR telah mengadakan aktiviti pemfailan secara berkelompok susulan aduan daripada wakil penduduk Taman Desaru Utama, Kota Tinggi. Pembeli rumah di Taman perumahan ini telah mengalami masalah pemulangan deposit daripada pihak pemaju. Di samping itu, rumah yang dibina pemaju juga mempunyai banyak kecacatan. Pada hari tersebut sebanyak 23 kes difailkan.



9 JANUARI 2013

Program promosi TTPR dimulakan dengan aktiviti pengedaran risalah TTPR di taman perumahan yang telah dikenalpasti masih dalam tempoh liabiliti kecacatan iaitu di Taman Bukit Indah, Perling, dan di Taman Uda Utama, Nusa Jaya. Sebanyak 150 keping risalah TTPR telah berjaya diedarkan kepada orang ramai dan sambutan yang diterima amat menggalakkan.



23 FEBRUARI 1 MAC 2013

TTPR telah membuka kaunter bergerak di bangunan Perbadanan Labuan sebagai suatu langkah awal dalam mempromosikan bidang kuasa dan fungsi TTPR kepada penduduk di Labuan. Pembukaan kaunter bergerak selama dua (2) hari ini boleh dianggap sebagai pra promosi untuk menyampaikan maklumat tentang peranan dan fungsi TTPR kepada penduduk Labuan dan ia adalah selaras dengan berkuatkuasanya Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966) 2010 [P.U. (A) 44/2010]. Hasil daripada pembukaan kaunter ini, orang ramai yang berkunjung telah mendapat maklumat yang lebih jelas tentang hak-hak sebagai pembeli rumah.



17 JANUARI 2013

Aktiviti pengedaran risalah TTPR diteruskan disekitar kawasan daerah Pasir Gudang, Johor dan sebanyak 350 keping risalah telah berjaya diedarkan di Taman Bukit Dahlia, Surau Taman Dahlia, Masjid Jamek Pasir Gudang, Surau Nusa Damai dan Surau Al-Ikhlas Taman Sientex.



20 JANUARI 2013


TTPR juga telah menerima jemputan daripada penduduk perumahan Gardenville, Selayang Heights untuk mengadakan taklimat tentang fungsi TTPR dan bidang kuasa TTPR serta prosedur pemfailan kes. Penduduk di kawasan perumahan ini telah mengalami kerugian akibat kerosakan dan kecacatan rumah yang mereka diami. Susulan daripada taklimat yang diberikan, sebanyak 5 kes teknikal telah difailkan di TTPR.

ANALISA JANAAN SISA PEPEJAL PEMBINAAN DI PROJEK PEMBINAAN PUSAT REHABILITASI PERKESO, AYER KEROH, MELAKA

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) telah melaksanakan Projek Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan pada tahun 2012 di tapak projek pembinaan Pusat Rehabilitasi Pekerja PERKESO, Bandar Teknologi Hijau, Ayer Keroh, Melaka. Projek yang mendapat kerjasama pihak PERKESO, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dan kontraktor pembinaan IJM Construction Sdn Bhd ini adalah bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengurusan sisa pepejal pembinaan dan kesannya kepada alam sekitar melalui penggunaan melalui penggunaan Garis Panduan Pengurusan Sisa Binaan.

Bil.	Jenis Sisa	Berat(Tan)
1.	Sisa Bercampur	21.28
2.	Sisa Kayu	28.29
3.	Sisa Tanah	22.5
4.	Sisa Besi	9
5.	Lain - lain	5
Jumlah		109.7

Jadual 1: Data janaan mengikut jenis dan berat sisa yang telah terhasil di tapak pembinaan Pusat Rehabilitasi Pekerja PERKESO di Ayer Keroh, Melaka (Mei – Disember 2012).



Rajah 1: Komposisi sisa pepejal pembinaan yang dihasilkan di tapak bina semasa kajian

Berdasarkan Rajah 1, dapat dilihat sebanyak 109.74 tan sisa telah dihasilkan bermula dari bulan Mei hingga Disember 2012 yang meliputi 28.29 tan sisa kayu, 26.67 sisa konkrit, 22.50 tan sisa tanah, 21.28 tan sisa bercampur, 9.0 tan sisa besi dan 5.0 tan sisa-sisa yang lain.

Daripada kajian yang dilaksanakan, didapati sisa tanah dan sisa konkrit telah dijadikan sebagai bahan tambakan di dalam kawasan tapak binaan, sisa besi pula dijual kepada pengumpul barang kitar semula dan sebahagian sisa kayu dihantar ke kilang pembuatan batu-bata untuk dijadikan sebagai bahan bakar dan selebihnya dilupuskan di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Krubong.

Program Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan ini akan diteruskan di tapak-tapak pembinaan yang lain sekitar Negeri Melaka dan akan dipertingkatkan tahap keberkesannya dari semasa ke semasa.

PENGURUSAN SISA PEPEJAL

SEMINAR “PROMOTION OF EFFICIENT SOLID WASTE MANAGEMENT SYSTEM IN MALAYSIA”

Seminar “Promotion of Efficient Solid Waste Management System In Malaysia” telah diadakan pada 7 Februari 2013, bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC). Seminar yang telah dianjurkan oleh Perbadanan dengan kerjasama Japan International Cooperation Agency (JICA) ini telah dirasmikan oleh Y.A.B. Datuk Seri Hj Mohd Ali Mohd Rustam, Menteri Besar Melaka. Seramai kira-kira 200 orang peserta telah menyertai seminar ini yang terdiri dari tenaga kerja pelbagai agensi serta pelajar-pelajar universiti.

Antara pakar yang telah dijemput khas dari Jepun bagi menyampaikan ceramah pada program ini ialah:-

- Encik Koji Takakura (J-PEC Composting Expert) Pakar Pengkomposan Sisa Organik;
- Encik Shinsuke Takeuchi (Manager, City of Kitakyu-shu, ASEAN Green Group) Pakar Pengurusan dan Teknologi Sisa Pepejal; serta
- Encik Akinori Kida (Waste Analysis Expert, Kitayushu City Environmental Preservation) Pakar Analisis Sisa Pepejal.

Objektif Seminar ini adalah seperti berikut:

- Mengembangkan dan memperjelaskan lagi inisiatif pengurusan sisa pepejal bersepadu di Melaka.
- Mempertingkatkan kesedaran awam dalam pengurusan sisa pepejal bersepadu.
- Memberi kemahiran berkaitan cara-cara dan kaedah yang sesuai untuk digunakan dalam pengurusan sisa pepejal yang meliputi sisa pepejal binaan, industri, komersial, institusi dan lain-lain.
- Menghargai pihak komuniti, institusi, komersial dan industri yang terlibat dalam program pengkomposan Takakura Home Method.
- Melaporkan mengenai aktiviti-aktiviti yang telah dilakukan di Melaka sepanjang dua tahun iaitu dari 2011-2012 bersama JICA.

LATIHAN DAN KAJIAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI MELAKA BERSAMA PIHAK JICA

Pada 7 hingga 10 Januari 2013, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dengan kerjasama Japan International Cooperation Agency (JICA) telah menjalankan Projek Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu di Hang Tuah Jaya, Melaka. Kajian dan latihan yang bertujuan untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang efisien, kos efektif dan boleh diterima masyarakat ini dibahagikan kepada tiga aspek iaitu pengurusan sisa pepejal, komposisi sisa serta pengkomposan. Perbincangan mengenai ‘Pack Test’ bersama En. Akinori Kida ke atas sampel yang diperolehi daripada Tapak Pelupusan Krubong, Melaka.

FAKTA MENARIK

FAKTA 1

Dengan mengitar semula 1 tina aluminium anda seumpama menjimatkan penggunaan tenaga elektrik 3 jam televisyen

FAKTA 2

Jika kertas dapat dikitar semula secara maksimum anda dapat mengurangkan 4,360 tan sampah sehari yang bersamaan 78,000 batang pokok

FAKTA 3

18,000 tan sampah dihasilkan sehari mampu memenuhi KLCC dalam tempoh 8 hari sahaja (data tahun 2005)

FAKTA 4

Dengan mengitar semula 1 botol kaca anda seumpama menjimatkan penggunaan tenaga elektrik mentol lampu 100 watt selama 4 jam

GALERI AKTIVITI

MESYUARAT KSU KP 17-18 FEBRUARI 2013



Hakcipta Terpelihara KPKT 2013



PERJUMPAAN KSN DENGAN WARGA KPKT 4 MAC 2013



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 24 JANUARI 2013



SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 19 FEBRUARI 2013



JJD KOTA BHARU KELANTAN 20 JANUARI 2013



GALERI AKTIVITI

JJD KUALA TERENGGANU 23 FEBRUARI 2013



JJD KANGAR PERLIS 3 MAC 2013



JJD KUANTAN PAHANG 23 MAC 2013



PERCAMBAHAN ILMU

BPWG ANJUR BENGKEL ASAS SIASATAN DAN PEMAHAMAN AKTA

Bengkel Asas Siasatan dan Pemahaman Akta (BASPA) 2013 anjuran Bahagian Pemberi Pinjam Wang & Pemegang Pajak Gadai (BPWG) telah diadakan dengan jayanya pada 20-22 Mac 2013 bertempat di Dorani Bayu Resort, Sungai Besar, Selangor.

Telah dihadiri seramai 32 pegawai BPWG dari ibu pejabat, dan juga cawangan Sabah dan Sarawak, yang rata-ratanya pegawai baru BPWG. Penganjuran bengkel ini mensasarkan pegawai-pegawai baru di bahagian ini yang akan terlibat dengan pemprosesan dan kelulusan lesen, serta penguatkuasaan Akta 81 & Akta 400.

Secara ringkasnya matlamat penganjuran bengkel ini adalah:

- memantapkan pemahaman, pengetahuan, dan kemahiran para peserta terhadap Akta 81 & Akta 400.
- memberi pendedahan kepada para peserta tentang keadah penyediaan kertas siasatan, pendakwaan dan lain-lain ilmu penyiasatan.
- Mengeratkan kerjasama dan silaturahim antara pegawai di ibu pejabat dengan cawangan di Sabah dan Sarawak.

PERKEMAS DERAf DOKUMEN PELAN STRATEGIK KPKT 2013-2015 DAN TOUCH POINT PROGRAM TRANSFORMASI KPKT

Bengkel Pelan Strategik KPKT 2013-2015 telah diadakan pada 4 hingga 6 Mac 2013 bertempat di Ramada Plaza Hotel, Melaka. Bengkel telah dihadiri oleh 25 orang pegawai daripada setiap Jabatan di bawah KPKT termasuk Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA).

Tujuan utama bengkel adalah untuk memperkemas deraf dokumen Pelan Strategik KPKT 2013-2015 dan touch point Program Transformasi KPKT. Pelan Strategik KPKT 2013-2015 merupakan dokumen hala tuju strategik bagi menjadikan KPKT terus relevan dengan perkembangan semasa serta memenuhi ekspektasi pihak berkepentingan dan pelanggan KPKT. Program Transformasi KPKT melibatkan beberapa touch point ataupun program utama di bawah KPKT yang ditambahbaik kaedah pelaksanaannya agar memberikan outcome yang lebih signifikan.



PROGRAM SUA IKENAL ARKITEK LANDSKAP J41 LANTIKAN 2013

Sempena sesi pendaftaran dan lapor diri bagi kemasukan seramai 7 orang Arkitek Landskap baru ke Jabatan Landskap Negara pada 4 Januari 2013, maka bermula pada 4 hingga 28 Februari 2013 Pihak Jabatan telah mengadakan program induksi dan suaikenal. Program ini bertujuan bagi memberi pendedahan awal dan penerangan khusus ke atas fungsi dan peranan Jabatan, program dan aktiviti semasa, peraturan dan tatacara pentadbiran dalam perkhidmatan awam, etika penjawat awam dan tatatertib. Sepanjang program ini berlangsung, para pegawai baru akan diberikan taklimat dan tugasan yang perlu dilaksanakan.

PERHIMPUNAN BULANAN PERTAMA JLN

Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Landskap Negara (JLN) Bil.1/2013 telah diadakan pada 20 Februari 2013 bertempat di Pejabat JLN. Selain daripada ucapan amanat oleh Ybrs Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Tuan Haji Esa Haji Ahmad, perhimpunan bulanan pada kali ini turut diselangi dengan aktiviti perasmian, penyampaian anugerah penghargaan, bacaan ikrar aku janji dan penyerahan buku terbitan Jabatan seperti yang berikut:



Y.Brs Ketua Pengarah JLN melancarkan aplikasi Mobile Web JLN. Mobile Web JLN kini memberikan kemudahan kepada para pengguna telefon mudah alih/pintar bagi mengakses Portal JLN.



Y.Brs Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) menyampaikan kepada Y.Brs Ketua Pengarah JLN Sijil Anugerah Cemerlang Penarafan 5 Bintang Malaysian Government Portal and Website Assessment 2012 dan Trofi tempat kedua Pertandingan Ceria Bahasa KPKT 2012 yang diterima oleh JLN.



Y.Brs Ketua Pengarah JLN turut menyampaikan buku Garis Panduan Landskap Negara Edisi Ke-2 kepada Pengarah-Pengarah Bahagian.



Semasa majlis perhimpunan ini, turut diadakan sesi bacaan lafaz ikrar Aku Janji oleh Arkitek Landskap pengambilan 2013

Pada 22 Mac yang lalu, Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak telah merasmikan Mesyuarat Agung Badan Kebajikan dan Sukan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KESKEP) Kali Pertama bertempat di Dewan Kristal, KPKT. Semenjak mengambil alih jawatan selaku Ketua Setiausaha di KPKT, Datuk Arpah memberi penekanan terhadap aspek kebajikan dan penglibatan aktif warga Kementerian dalam aktiviti-aktiviti sosial serta sukan. Penekanan dalam aspek kebajikan, sosial dan sukan ini adalah penting dalam melahirkan warga kerja yang sentiasa ceria dan aktif sama ada semasa bertugas mahupun di luar pejabat.

Dalam ucapan beliau semasa majlis tersebut, beliau percaya bahawa keceriaan seseorang penjawat awam itu secara tidak langsung akan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan dalam menjalankan tugas seharian. Beliau juga berharap agar KESKEP yang merupakan Badan Kebajikan dan Sukan Kementerian perlu diperkukuhkan. Usaha ini adalah penting kerana melalui KESKEP, pelbagai aktiviti di luar bidang tugas rasmi dapat dijalankan bagi membantu memupuk kesepaduan dan semangat kerja secara berpasukan di kalangan warga kerja Kementerian. Tambah beliau lagi, melalui KESKEP juga warga Kementerian dapat melebarkan jaringan persahabatan dengan anggota-anggota agensi lain. Jaringan persahabatan yang terbina ini pastinya sedikit sebanyak akan dapat membantu memudahkan warga Kementerian semasa berurusan dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Pada 11 September 2012, KESKEP telah dibatalkan pendaftaran oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS), namun YBhg. Ketua Setiausaha KPKT telah mengarahkan Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan untuk mengambil inisiatif bagi menghidupkan kembali KESKEP supaya aktiviti-aktiviti kebajikan, sosial dan sukan di KPKT dapat digerakkan kembali. Hal ini adalah kerana, Kerajaan sendiri sentiasa memberi galakan kepada penjawat-penjawat awam supaya aktif dalam aktiviti-aktiviti sukan dan sosial melalui badan atau kelab yang ditubuhkan di bawah Kementerian/ Jabatan masing-masing. Jesteru, Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 tahun 2004 menetapkan bahawa kelab kebajikan dan sukan di peringkat Kementerian/ Jabatan layak untuk menerima peruntukan khas kerajaan seperti berikut, iaitu:

- i. Sumbangan asas berjumlah RM10 bagi setiap ahli setahun; dan
- ii. "Matching grant" bagi setiap ringgit yuran bulanan yang dibayar oleh ahli dengan kadar maksimum RM20 bagi setiap ahli setahun.

Di samping itu, KPKT sendiri mempunyai pelbagai kemudahan yang dapat digunakan oleh warga Kementerian untuk menjalankan aktiviti-aktiviti berpersatuan, seperti dewan serbaguna, bilik persatuan, gimnasium dan bilik latihan muzik. Dengan ini, diharapkan KESKEP dapat memainkan peranan agar kemudahan dan peralatan ini dapat digunakan sepenuhnya oleh semua warga Kementerian untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti persatuan.

Aktiviti-aktiviti KESKEP ini tidak terbatas kepada kemudahan-kemudahan yang disediakan di KPKT semata-mata. Seperti mana yang diketahui di Putrajaya juga terdapat pelbagai kemudahan yang boleh dimanfaatkan untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti persatuan. Dalam hal ini banyak aktiviti-aktiviti sosial yang boleh digerakkan oleh KESKEP merangkumi aktiviti kesenian seperti pewujudan kumpulan kompiang, kumpulan muzik, kumpulan senam seni, kumpulan teater, seni bela diri dan sebagainya. Begitu juga dengan aktiviti-aktiviti kesukanan sama ada sukan indoor mahupun outdoor. Begitu juga aktiviti pengembaraan seperti aktiviti treasure hunt, jungle trekking, lawatan sambil belajar serta aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan.

Di samping penganjuran aktiviti-aktiviti sukan dan sosial tersebut, KESKEP juga memainkan peranan secara lebih pro aktif dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti kebajikan khususnya dalam memberikan sumbangan kebajikan kepada ahli KESKEP yang ditimpa bencana dan kesusahan secara konsisten dan menyeluruh kepada setiap ahli yang berhak untuk menerimanya. Sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban warga Kementerian yang berkenaan dan mewujudkan "sense of belonging" terhadap Kementerian. Sumbangan ini juga akan diperluaskan dalam bentuk penghargaan seperti kepada anak-anak warga Kementerian yang cemerlang dalam akademik dan sumbangan penghargaan kepada warga yang bersara dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, KESKEP disaran untuk memperhebatkan promosi dan publisiti bagi pendaftaran keahlian. Perlembagaan asas KESKEP seperti yang telah diluluskan oleh Jabatan/ Pendaftaran Pertubuhan pada 5 Disember 2012 telah menetapkan bahawa kadar bayaran/ yuran adalah seperti berikut:

- i. Bayaran masuk (keahlian) : RM1.00
- ii. Yuran bulanan : RM1.00

KESKEP juga akan bekerjasama dengan Pentadbiran Kementerian bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan dan sosial yang sebelum ini kebanyakannya dilaksanakan oleh pihak Pengurusan Kementerian seperti hari keluarga, sambutan perayaan, majlis makan malam, majlis jasmu dikenang dan sebagainya. Sekiranya ini dapat dilaksanakan, maka saya percaya aktiviti-aktiviti tersebut akan dapat dilaksanakan dengan penglibatan lebih menyeluruh di kalangan warga Kementerian dan seterusnya menjadikan aktiviti tersebut lebih menarik dan meriah.

Melalui Mesyuarat Agung ini, pemilihan ahli jawatankuasa juga telah dijalankan dan diharapkan kepimpinan KESKEP yang baharu ini dapat memastikan tadbir urus persatuan dilaksanakan secara sistematik dan mengikut undang-undang serta peraturan yang berkuatkuasa bagi mengelakkan berulangnya pembatalan persatuan dan seterusnya memastikan peruntukan pertubuhan diuruskan secara berhemah dan bijaksana.



DATUK ARPAH RASMI MESYUARAT AGUNG KESKEP KALI PERTAMA



AKTIVITI BOMBA



Majlis Perbarisan Tahunan 2013 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah diadakan pada 31 Januari 2013 (Khamis) bertempat di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM. Turut hadir dimajlis tersebut ialah YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YS Penolong-Penolong Ketua Pengarah, YS Pengarah-Pengarah Negeri, Komandan-Komandan FRAM, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan, Dif-dif jemputan, rakan-rakan media, NGO'S serta warga JBPM daripada negeri-negeri.

Dalam perutusannya, YAS Dato' Wan Mohd. Nor Hj. Ibrahim, menyeru kepada seluruh warga bomba agar sentiasa melakukan tranformasi melalui inovasi seiring dengan matlamat YAB Perdana Menteri yang mengutarakan enam (6) prinsip baru transformasi sektor awam yang perlu diperkasa dan direalisasikan. Enam (6) prinsip tersebut tercantum didalam akronim CTI dan PCI. CTI bermaksud (Cepat, Tepat dan Integriti) dan PCI bermaksud (Productivity, Creativity dan Inovasion). Bagi menyahut cabaran ini, warga kerja JBPM diminta untuk lebih kreatif dan berinovatif dengan fikiran dan minda yang lebih berdaya saing, bijaksana dan sentiasa mencari idea baru untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan yang diberi kepada rakyat. Disamping itu, beliau merakamkan ucapan tahniah kepada pasukan IGNIS dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang yang telah mengungguli Anugerah Inovasi Negara bagi Kategori Perkhidmatan pada tahun 2012 dan berjaya menggondol anugerah berupa insentif kewangan bernilai RM 50,000.00. Kejayaan ini membuktikan bahawa benih-benih inovasi dan kreativiti telah wujud di dalam jabatan dan apa yang perlu dilakukan ialah untuk mengembangkan lagi benih ini supaya menjadi suatu budaya yang subur di dalam jabatan ini.

Bersempena majlis tersebut juga, YAS Ketua Pengarah JBPM telah menganugerahkan Pingat Kebesaran Jabatan kepada enam (6) orang pegawai kanan, tiga (3) penerima daripada agensi luar dan sebelas (11) penerima Sijil Penghargaan (Media). Selain dari itu, jabatan juga telah menerima Sijil MS ISO 9001:2008 yang disampaikan oleh Puan Khalidah binti Mustafa, Pengarah Urusan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Didalam majlis yang sama YAS Ketua Pengarah JBPM juga telah menyampaikan sumbangan Tabung Kemanusiaan Palestin dari seluruh warga bomba berjumlah RM 60,670.00 yang diterima oleh YBhg Datuk Manja bin Ismail bagi pihak Media Prima Berhad. Majlis tersebut diakhiri dengan Pelancaran Buku Pembudayaan Integriti JBPM 2012 serta lawatan ke pameran oleh YAS Ketua Pengarah JBPM dengan diiringi oleh pegawai-pegawai kanan jabatan.

PERBARISAN TAHUNAN 2013



ANGGOTA BOMBA BINA SEMULA RUMAH TERBAKAR DI KAMPUNG GEDOK SAWAH

21 Disember 2012 (Jumaat) – Majlis penyerahan kunci rumah projek pembinaan semula rumah terbakar (NBOS 7) yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah disempurnakan oleh YB Dato' Hj. Mohd Kamil bin Abd Aziz, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Gemencheh.

Turut hadir ialah YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YS PPJB Saadon bin Moktar, Pengarah JBPM Negeri Sembilan, PgB I Johari bin Hj. Ahmad, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Sembilan, Tuan Haji Razali bin Bakar, Pegawai Daerah Tampin, En. Anirwan Fauzee, Ketua Penolong Pegawai Daerah Gemas serta Pegawai-Pegawai Kanan JBPM.

Projek pembinaan semula rumah terbakar milik Puan Norlia binti Jaudin di Kampung Gedok Sawah, Gemencheh Negeri Sembilan dibina semula oleh anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan. Pada tahun 2013 sebanyak lapan (8) buah negeri akan melaksanakan projek pembinaan semula rumah terbakar dibawah program (NBOS 7).



PENYERAHAN JENTERA BOMBA DAN PELANCARAN OPS TAHUN BARU CINA

YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Jentera Bomba dan Kenderaan Bomba Sukarela Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 5 Februari 2013 (Selasa) di Perkarangan Balai Bomba dan Penyelamat Shah Alam, Selangor. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima 100 unit *Fire Rescue Tender* (FRT) bernilai RM171 juta, lima unit *Prime Mover Vehicle* (PMV) bernilai RM2.43 juta serta 30 unit *Volunteer Fire Response Vehicle* (VFRV) bernilai RM3.65 juta melalui "Rolling Plan ke-2", Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10).

Majlis pada pagi tersebut bermula dengan pemeriksaan perbarisan kehormat oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung dan seterusnya menyempurnakan gimik pelancaran. Setelah itu, YB Menteri telah

menerima replika jentera bomba dan kenderaan bomba sukarela daripada pihak pembekal sebagai simbolik penyerahan jentera dan kenderaan tersebut.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YS Penolong-Penolong Ketua Pengarah, YS Pengarah-Pengarah Negeri dan Pegawai-Pegawai Kanan JBPM.

Pada majlis yang sama YB Menteri turut melancarkan Ops Tahun Baru Cina Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan disaksikan dif-dif kehormat dan tetamu jemputan. YB Menteri turut meluangkan masa menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan mewarna Kelab 3K yang telah bermula pada awal pagi sebelum majlis berlangsung.



MAJLIS TAMAT LATIHAN KURSUS DIPLOMA SAINS LANJUTAN SIRI 1/2012 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Majlis Tamat Latihan Kursus Diploma Sains Lanjutan Siri 1/2012 telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan pada 8 Januari 2013. Majlis tersebut telah diadakan di Perkarangan Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 8 Januari 2013. Turut hadir di majlis tersebut ialah YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Negeri, Pegawai-pegawai kanan JBPM.

Peserta Kursus tersebut telah memulakan latihan di Akademi Bomba dan Penyelamat Wakaf Tapai, Terengganu pada 2 Mei 2012. Seramai 27 pelatih telah berjaya menamatkan kursus dengan jayanya dan dua (2) orang pelatih iaitu Mohd Khairul Rizal bin Yahya telah dianugerahkan (Teori Terbaik dan Keseluruhan Terbaik) dan Mohd Suhaimi bin Md Akhir dianugerahkan (Praktikal Terbaik).

Sepanjang menjalani latihan, peserta telah didedahkan dengan berbagai kaedah dan teknik untuk tujuan memberi pendedahan awal tentang tugas dan tanggungjawab yang harus mereka laksanakan.

AKTIVITI BOMBA



PENYERAHAN JENTERA BOMBA DAN KENDERAAN BOMBA SUKARELA UNTUK JBPM NEGERI KEDAH, PULAU PINANG DAN PERLIS

Majlis Penyerahan Jentera Bomba dan Kenderaan Bomba Sukarela JBPM Negeri Kedah, JBPM Negeri Pulau Pinang dan JBPM Negeri Perlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia pada 8 Februari 2013 di Balai Bomba dan Penyelamat Alor Setar.

Turut hadir di majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS TPJB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YBhg Dato' Latt Shariman bin Abdullah, Pegawai Tugas-Tugas Khas YAB Perdana Menteri Malaysia, YS PKPJ Azmi bin Tamat, Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang, YS PKPJ Ahmad bin Shahabuddin, Pengarah JBPM Negeri Kedah, YS PgKB I Fadzil bin Haroon, Pengarah JBPM Negeri Perlis, Pengerusi-Pengerusi Pasukan Bomba Sukarela Negeri Pulau Pinang, Negeri Kedah, Negeri Perlis serta Pegawai-Pegawai Kanan JBPM.

Majlis tersebut bermula dengan pemeriksaan perbarisan kehormat oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia dengan diiringi oleh PPJB Abu Obaidat bin Mohamad, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Kedah. Di majlis tersebut, YB Menteri KPKT telah meyerahkan replika kunci Jentera Bomba Fire Rescue Tender (FRT) kepada Pengarah JBPM Negeri Kedah, Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang dan Pengarah JBPM Negeri Perlis. Seterusnya YB Menteri juga menyerahkan replika kunci kepada Pengerusi-Pengerusi Pasukan Bomba Sukarela yang menerima Kenderaan Pasukan Bomba Sukarela Volunteer Fire Response Vehicle (VFRV) jenis Mitsubishi Triton Light Turbo.



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



LARIAN KITAR SEMULA 2013



MAKLUM BALAS

Sebarang maklum balas/aduan berkaitan KPKT dan Jabatan/Bahagian dibawahnya, sila layari
<http://ehome.kpkt.gov.my/aduan-online> atau SMS ke 15888 atau emel ke pro@kpkt.gov.my